

**PERUBAHAN CORAK GUNA TANAH SAWAH PADI DI  
NEGERI KEDAH**

**MUHAMMAD UZAIR BIN AZIZAN**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah

**FAKULTI GEOINFORMASI DAN HARTA TANAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**JANUARI 2013**

## **DEDIKASI**

Abah – Tn. Hj. Azizan Bin Hj. Hassan dan Ibu- Pn. Hjh. Fadzilah Binti Hj. Saad yang dikasihi sepanjang hayat,

Adik beradik kembar - Awanis Binti Hj. Azizan dan Awatif Binti Hj. Azizan yang disayangi segenap hati,

Rakan-rakan seperjuangan,

Terima Kasih di atas dorongan dan sokongan sepanjang pengajian.

## **PENGHARGAAN**

Pensyarah- Dr. Khadijah Hussin, Dr. Robiah Hj. Suratman, En. Kamaruzaman Abd. Rasid, Prof. Madya Dr. Muhammad Tahir Sabit, Prof. Dr. Megat Ghazali Bin Megat Abdul Rahman, dan lain-lain yang dihormati lagi disanjung,

Rakan-rakan seperjuangan- Kursus Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah sesi 2011/2013 serta lain-lainnya yang pasti akan dirindui,

Terima kasih di atas kasih sayang, pengorbanan, sokongan, dorongan, bimbingan dan kerjasama sepanjang tempoh kajian ini dilakukan dan amnya sepanjang tempoh pengajian di raudhah ilmu ini. Jasa baik kalian tidak terbalas dan akan dihargai selamanya.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Persaingan ke atas guna tanah pertanian bagi memenuhi kehendak pembangunan fizikal dilihat semakin menjadi-jadi terutama di negara-negara maju. Malah, dunia secara umumnya telah menerima fenomena ini sebagai suatu trend yang tidak dapat dielakkan kerana dalam apa situasi sekalipun pemajuan kawasan akan berterusan dan mengambil tempat. Bagi warga dunia yang prihatin, perubahan kepada corak guna tanah pertanian mencetuskan kebimbangan untuk jangka masa panjang. Ini tidak lain akan menjejaskan kestabilan sekuriti makanan sesebuah negara. Di Malaysia, perubahan corak guna tanah pertanian ini turut mendapat tempat dalam arus modenisasi dan pembangunan setempat khususnya bila mana melibatkan kawasan penanaman padi. Di negeri Kedah secara puratanya hampir 5000 hektar tanah sawah telah diubah syarat kegunaan tanah dari pertanian kepada lain-lain kegunaan sejak tahun 2000 hingga 2010. Angka sedemikian sudah cukup untuk memberi satu manifestasi bahawa tanah sawah padi sekiranya tidak dilindungi bagi maksud sekuriti makanan negara, lama-kelamaan akan hilang dari atas peta topografi negara. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kerangka governans dalam industri padi khusus ke atas tanah sawah. Melalui kajian ini juga, perubahan corak guna tanah dan keluasan tanah sawah padi turut dikaji. Malah, beberapa faktor yang menyumbang kepada fenomena perubahan dikenalpasti. Data bagi kajian ini diperolehi melalui temu bual dengan pihak berkuasa berkaitan dan beberapa orang pemilik tanah sawah. Kemudian, data dianalisis melalui kaedah kualitatif secara deskriptif berdasarkan *Grounded Theory*. Kajian ini secara keseluruhan mendapati tanah sawah padi menerima kesan aktiviti antropogenik seperti pembangunan dan rebakan bandar dari tahun ke tahun. Diharapkan dengan pengenalpastian faktor berlakunya perubahan corak guna tanah dan beberapa lontaran cadangan mekanisme perlindungan tanah pertanian dalam kajian ini dapat membantu pihak berwajib untuk merealisasikan pengurusan tanah pertanian secara lebih mapan untuk keberlangsungan bekalan makanan ruji pada masa depan.

## ABSTRACT

Competition over land for agriculture use to fulfill the physical development is seen increase rampantly especially in developed countries. In fact, the world in general has perceived this phenomenon as a trend that cannot be avoided. This is because the development of an area will take place and continue and to place in any situation. But for a concern citizens, the changes in the pattern of agricultural land use will trigger worries for a long period of time. This would affect the stability of national food security. In Malaysia, a change in the pattern of agricultural land use also affects the rice cultivation area especially in Kedah, average 5,000 hectares of paddy field has been change in the terms of uses of land from agriculture to other uses since 2000 until 2010. Such a figure is enough to give a manifestation about how important of protection of paddy field. The paddy field will disappear from the topography map if there is no action taken. Therefore, this study is conducted to identify the governance framework in the cultivation of paddy field to rice industry in Kedah. Through this study, the changes of land use pattern and the size of the land of paddy were also be analysed in term of time series based. In fact, some of the factors that contributed to the phenomenon of change will be identified. The data for this study were derived through interview with the concerned authorities and a number of paddy field owner. Then, the data were analysed through qualitatively using descriptive method which is based on Grounded Theory. This study had found that most of paddy field areas had received the impact of anthropogenic activities such as urban development around it from time to time. The identification of the factors that contribute to the changes of paddy land use pattern can assist the concerned authorities. Besides, a few recommendation which touch on a new mechanism of agricultural land protection from this study could help the authorities to realize the important of management of the agricultural land. These information is expected to be a basic management tool to achieve sustainability food supply for future need.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	
	<b>SENARAI RAJAH</b>	
	<b>SINGKATAN PERKATAAN</b>	
<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3. Persoalan Kajian	6
	1.4 Matlamat Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	8
	1.7 Skop Kajian	10

1.8	Metodologi Kajian	11
1.9	Susunan Bab	15
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	17
2.2	Gambaran Keseluruhan Guna tanah	17
2.3	Definisi Guna tanah	19
2.4	Kategori Guna Tanah	21
2.5	Kategori Guna Tanah Perspektif Kanun Tanah Negara	23
2.6	Kategori Guna Tanah Dari Perspektif Perancangan	24
2.7	Penukaran Status Guna tanah	24
2.8	Fenomena Penukaran Status Guna Tanah Pertanian Dalam Lingkungan Negara-Negara Membangun	25
2.9	Sawah Padi Sebahagian Daripada Tanah Pertanian	27
2.10	Industri Padi dan Sekuriti Makanan Negara	28
2.11	Dasar Pertanian Negara	31
2.12	Kerangka Governans Berkaitan Padi di Kedah	32
2.13	Organisasi dan Pertadbiran	33
	2.13.1 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	33
	2.13.2 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	35
	2.13.3 Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah (UPEN)	36
	2.13.4 Pejabat Tanah	38
	2.13.5 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	39

2.13.6	Majlis Bandaraya Alor Setar	40
2.13.7	Jabatan Pertanian Negeri	41
2.13.8	Pesawah dan Pemilik Petak	41
2.14	Lain-lain Dasar, Rancangan dan Perundangan Berkaitan	42
2.14.1	Kanun Tanah Negara 1965	42
2.14.2	Akta Perancangan Bandar dan Desa 1972	43
2.14.3	Akta Kawalan Padi dan Beras 1994	43
2.14.4	Rancangan Fizikal Negara	45
2.14.5	Dasar Perbandaran Negara	46
2.14.6	Pelan Transformasi Ekonomi	48
2.14.7	Dasar Jaminan Bekalan Makanan	49
2.14.8	Dasar Agromakanan Negara	51
2.15	Contoh Negara Memperkasakan Sektor Pertanian	53
2.15.1	Australia	54
2.15.2	Belanda	57
2.15.3	Thailand	60
2.16	Kesimpulan	63

### **3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	64
3.2	Rangka Bentuk Kajian	65
3.3	Kaedah Kajian Yang Digunakan	66
3.3.1	Kaedah Pengumpulan Data	67
3.3.1.1	Kaedah temu bual	68
3.3.1.2	Kaedah Pemerhatian	68
3.3.2	Analisis Kajian	69
3.4	Kesimpulan	71



<b>4</b>	<b>KAWASAN KAJIAN: KAWASAN PENANAMAN PADI DI NEGERI KEDAH</b>	
4.1	Pengenalan	72
4.2	Latarbelakang Kawasan Jelapang Padi	73
4.3	Kawasan Kajian Dalam Rancangan Fizikal Negara	78
4.4	Realiti Perubahan Corak Guna Tanah	82
4.5	Kesimpulan	85
<b>5</b>	<b>ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	86
5.2	Latar Belakang Responden	86
5.2.1	Pihak Berkuasa Yang Ditemubual	87
5.2.2	Pemilik Tanah Sawah Yang Ditemubual	88
5.3	Analisis dan Penemuan Berkaitan Perubahan Corak Guna Tanah	89
5.4	Analisis dan Penemuan Berkaitan Faktor- Faktor Perubahan Corak Guna Tanah	96
5.5	Analisis dan Penemuan Usaha dan Inisiatif Pihak Berkuasa Berkaitan	106
5.6	Analisis dan Penemuan Berkaitan Kesan Kehilangan Tanah Sawah Padi	110
5.7	Analisis Dan Penemuan Berkaitan Keperluan Polisi Tanah Pertanian Bagi Tujuan Perlindungan Tanah Sawah Pada Masa Depan	113
5.8	Analisis Cadangan Responden	116
5.9	Kesimpulan	117

<b>6</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
6.1	Pengenalan	119
6.2	Pencapaian Objektif	120
6.2.1	Pencapaian Objektif Pertama	120
6.2.2	Pencapaian Objektif Kedua	121
6.2.3	Pencapaian Objektif Ketiga	121
6.3	Cadangan	122
	6.3.1 Mekanisme Baru Perlindungan Tanah Pertanian	122
	6.3.2 Penyelidikan Berterusan	127
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	128
6.5	Limitasi Kajian	129
6.6.	Kesimpulan	130

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	<i>FAO's Periodical World Census of Agriculture</i>	21
4.1	Pecahan Penggunaan Tanah di Kawasan Muda	77
4.2	Guna Tanah Pertanian Semenanjung Malaysia	79
5.1	Pihak Berkuasa Yang Memberi Respon	87
5.2	Pemilik tanah sawah Yang Memberi Respon	88
5.3	Keluasan Tanah Sawah Yang Telah Berubah Status Guna Tanah	89
5.4	Respon Pihak Berkuasa Terhadap Perubahan Corak Guna Tanah	96
5.5	Keluasan Tanah Yang Ditukar Syarat Mengikut Jelapang Padi di Kawasan MADA (2005-2011)	98
5.6	Respon Pemilik Tanah Terhadap Perubahan Corak Guna Tanah	99
5.7	Respon Pihak Berkuasa Berkaitan Usaha dan Inisiatif	106
5.8	Respon Pihak Berkuasa Terhadap Kesan Kehilangan Tanah Sawah Padi	110
5.9	Respon Pemilik Tanah Terhadap Kehilangan Tanah Sawah	112
5.10	Respon Pihak Berkuasa Berkaitan Terhadap Keperluan Polisi Tanah Pertanian Bagi Tujuan Perlindungan Tanah Sawah	113
5.11	Respon Pemilik Tanah Terhadap Terhadap Keperluan Polisi Tanah Pertanian Bagi Tujuan	115

	Perlindungan Tanah Sawah	
5.12	Cadangan Pihak Berkuasa Berkaitan Berkenaan Penambahbaikan Atau Pembaharuan Perlindungan Tanah Sawah Padi	116
5.13	Cadangan Pihak Berkuasa Berkaitan Berkenaan Penambahbaikan Atau Pembaharuan Perlindungan Tanah Sawah Padi	117

## SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Purata Tuaian per Hektar per Negara	5
1.2	Ringkasan Kepentingan Kajian	8
1.3	Rangka Kajian	14
2.1	Carta Alir Polisi Sekuriti Makanan di Malaysia	30
2.2	Pembahagian Kerangka Governans	33
2.3	Sebahagian Pelan Spatial 2020 Kawasan Penanaman Padi di Kedah	46
2.4	Taburan Penanaman Bijirin di Australia	54
2.5	Kawasan Penanaman Padi dan Lokasi Pemprosesan	55
2.6	Teknologi Pertanian Padi	56
2.7	Taburan Kegunaan Tanah Di Belanda	57
2.8	Kawasan pertanian di Tollebeek	59
2.9	Sawah Padi di wilayah ( <i>province</i> ) Chiang Mai	60
2.10	Proses memindah benih padi dari tapak semaian ke petak sawah di wilayah Chaiyapun	61
2.11	Graf Hasil Padi Beras Thailand (tan/hektar)	62
3.1	Peringkat <i>Grounded Theory</i>	70
4.1	Gambaran Dari Helikopter Pembangunan Pesat Bandaraya Alor Setar	74
4.2	Permandangan jajaran bangunan dari Menara Alor Setar	74
4.3	Rangka Spatial Negara	80

4.4	Kawasan Padi Dalam Kawasan Jelapang Dan Di Luar Jelapang	81
4.5	Projek Perumahan atas Tanah Sawah Berdekatan Kota Sarang Semut	79
4.6	Banting Jualan Yang Digantung Berdekatan Tapak Projek	82
4.7	Kawasan Projek Yang Dipagar.	83
4.8	Pandangan 100 meter Dari Belakang Tapak Projek Taman Perumahan	84
4.9	Imej <i>Google Maps</i> Lokasi Tapak Projek	84
5.1 (a), (b), (c), (d)	Imej <i>Landsat</i> Perubahan Guna Tanah Mengikut Tahun	90 - 94
5.2	Graf Perubahan Keluasan Kawasan Penanaman Padi Akibat Pengembangan Bnadar dan Ditanam Tanaman Lain Mengikut Tahun	95
5.3	Pelan Lokasi Bandar Baru StarGate, Jalan Tandop	101
5.4	Kawasan Projek Bersebelahan Tanah Sawah Lain	101
5.5	Tanah Sawah Di Bahagian Tepi dan Belakang Bangunan Kedai Pejabat	102
5.6	Hospital Sultanah Bahiyah Di Atas Tanah Sawah Padi	102
5.7	Projek Estet Padi Kampung Gelam, Sungai Limau	109
6.1	Program <i>Transfer of Development Right</i> di King County	126

**SINGKATAN PERKATAAN**

<b>BERNAMA</b>	- Berita Nasional Malaysia
<b>DJBM</b>	- Dasar Jaminan Bekalan Makanan
<b>DPN</b>	- Dasar Pertanian Negara
<b>ETP</b>	- <i>Economic Transformation Plan</i> (Pelan Transformasi Ekonomi)
<b>FAO</b>	- <i>Food and Agriculture Organization</i>
<b>GTP</b>	- <i>Government Transformation Plan</i> (Pelan Transformasi Kerajaan)
<b>KDNK</b>	- Keluaran Dalam Negara Kasar
<b>LIFDC</b>	- <i>Low-Income Food-Deficit Countries</i>
<b>MADA</b>	- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
<b>MBE</b>	- Model Baru Ekonomi
<b>PBT</b>	- Pihak Berkuasa Tempatan
<b>UNEP</b>	- <i>United Nations Environment Programme</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Masyarakat Asia khususnya Asia Tenggara cukup sinonim dengan penanaman padi yang mana sudah menjadi signifikan dalam budaya warisan malah ia merupakan satu cerminan kepada amalan pengurusan amalan pertanian. Padi mempunyai banyak ciri-ciri yang unik. Dalam pada itu juga, pelbagai pendekatan agronomik diambil bagi meningkatkan produktiviti industri beras di negara-negara pengeluar.

Negara Vietnam, Thailand dan Filipina, yang merupakan antara pengeluar beras utama dunia dan Asia, kini berdepan dengan krisis harga berikutan pengeluaran dan bekalan yang merosot serta permintaan serantau yang lebih tinggi ke atas komoditi makanan itu. Beras adalah makanan ruji rakyat negara Asia, termasuk Malaysia. Penanam padi di Asia Timur menyumbang kira-kira 90 peratus daripada jumlah pengeluaran beras dunia yang sebanyak 645 juta tan metrik pada tahun 2007. China dan India adalah penyumbang terbesar, diikuti India, Indonesia, Bangladesh, Vietnam, Thailand, Myanmar, Jepun, Filipina dan Brazil.



Sumbangan Malaysia dalam pengeluaran beras dunia adalah kecil, kurang daripada satu peratus. Negara kita adalah pengimport bersih komoditi makanan beras. Ini kerana tahap sara diri bagi beras adalah tidak mencukupi, kira-kira 75 peratus. Baki bekalan beras sebanyak 25 peratus diimport dari negara jiran Thailand, Vietnam dan Pakistan.

Thailand dan Vietnam adalah pembekal beras negara yang utama. Mereka menyumbang lebih daripada 80 peratus import beras negara. Padi Beras Nasional Berhad (Bernas) adalah pengimport tunggal beras negara dan telah diberi hak mengimport sehingga 11 Januari 2011 (Bernas, 2012). Dengan kuasa monopolinya, fungsi utama Bernas ialah untuk memastikan bekalan beras negara adalah mencukupi. Pada tahun 2004-2005, pengeluaran beras negara bagi semua musim adalah kira-kira 2 juta tan metrik dan mengimport hampir 600,000 tan metrik dengan nilai import hampir RM700 juta. Ini jelas menunjukkan kenapa perlunya masyarakat global amnya di Malaysia melihat isu sekuriti makanan sebagai satu kepentingan bersama.

Menurut *Food and Agriculture Organization* (FAO) di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Asia dan negara Pasifik yang mempunyai jumlah penduduk melebihi 3.7 billion yang majoritinya bergantung kepada sektor pertanian terutama sekali bagi negara yang berada di dalam lingkungan negara defisit pendapatan makanan rendah (*Low-Income Food-Deficit Countries, LIFDC*). Populasi yang semakin bertambah meningkatkan permintaan kepada makanan, menjadikan indeks permintaan makanan Asia Pasifik berkembang daripada 86 mata pada 1990, kepada 120 mata pada 2005, melebihi indeks permintaan dunia di dalam dekad sebelum ini.

Walau bagaimanapun, penulis melihat isu sekuriti makanan ini akan lebih meruncing sekiranya tiada usaha untuk melindungi sumber-sumber asas kepada industri penanaman padi khusus sumber tanah sawah. Kekurangan tanah sawah padi akan menjadikan tempo pengeluaran padi dalam negara menjadi tidak stabil malah akan menjejaskan masyarakat dalam sebuah negara mencapai tahap sara diri yang mencukupi. Di sinilah, titik tolak di mana kerajaan harus sedar akan permasalahan

ini dengan memikirkan cara terbaik bagi melindungi tanah sawah padi daripada terus berkurang akibat proses perbandaran dan lain-lain kegiatan ekonomi. Masalah yang akan timbul bukan hanya sekitar produktiviti padi sahaja malah mempunyai kesan rantaian dalam pertumbuhan ekonomi negara bagi dekad mendatang. Dan ini sudah pasti akan menyentuh perihal sekuriti makanan peringkat nasional.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Umum mengetahui, beras merupakan makanan asasi penduduk Asia. Malah padi itu sendiri merupakan tanaman pertanian yang banyak ditanam di lembah-lembah sungai atau delta seperti di Lembah Sungai Mekong, Delta Irrawady, Delta Chao Phraya dan lain-lain jelapang padi terkenal. Maclean et al. (2002) dalam Xiangming et al. (2006) menyatakan sawah padi mencakupi lebih 11% daripada luas tanah pertanian global. Negara-negara Asia yang menjadi pengeluar beras utama merangkumi separuh daripada populasi penduduk dunia dan 35% daripada pengambilan kalori harian negara-negara ini adalah bersumberkan beras (FAO, 2004). Berdasar teori pertumbuhan yang dipopularkan oleh Adam Smith sekitar tahun 1776, terdapat tiga faktor pengeluaran iaitu modal, tenaga kerja dan tanah. Ketiga-tiga faktor ini menjadi asas kepada kelangsungan produktiviti sesuatu kegiatan ekonomi. Jika salah satu daripada faktor tersebut tiada atau jika ada sekalipun dalam kuantiti minima, ia tidak dapat menjamin pengeluaran optimum sesuatu produk ekonomi. Dalam hal ini, bagi memastikan produktiviti padi tidak terjejas, sumber-sumber pengeluaran utama harus dipelihara dengan baik. Sumber yang paling penting dan dilihat sebagai faktor utama pengeluaran padi adalah tanah sawah itu sendiri. Tanpa tanah sawah yang mencukupi belum tentu pertanian padi dapat dijalankan dan memenuhi keperluan makanan nasional. Oleh yang demikian, pemantauan dan pengurusan sawah padi yang cekap dan tepat adalah sangat penting bagi tujuan kelestarian pertanian dan alam sekitar, sekuriti makanan dan air serta pelepasan gas rumah hijau (Xiangming et al, 2006)


Walau bagaimanapun, proses pembandaran yang pesat di sesebuah kawasan akan menjejaskan corak penggunaan tanah. Dan tidak dinafikan, situasi sebegini kebanyakannya dipengaruhi oleh faktor ekonomi yang amat memberi tumpuan kepada pulangan yang tertinggi yang boleh diperolehi daripada tanah itu. Dalam erti kata lain, proses pembandaran atau apa jua proses pembangunan bersifat bukan pertanian akan menjejaskan keseimbangan guna tanah. Malah ancaman ini jugalah yang dihadapi oleh kebanyakan sawah khusus dalam kawasan jelapang. Dilaporkan sebanyak 2,500 hektar tanah sawah daripada keseluruhan 98,500 hektar tanah milik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah dibangunkan sebagai kawasan perumahan, sekolah dan hospital (Bernama, 2011)

Pihak kementerian juga pada tahun 2008 melalui Menteri Pertanian dan Asas Tani ketika itu, Datuk Mustapha Mohamed turut menyarankan kerajaan negeri tidak boleh sewenang-wenangnya meluluskan permohonan penukaran status tanah sawah padi untuk projek pembangunan atau penempatan. Malah menurut kementerian peraturan yang tidak menggalakkan penukaran tanah seumpamanya sudah ada namun tiada peruntukan undang-undang menghalang pemilik tanah sawah padi daripada menukar status tanah tersebut (Bernama, 2008). Dalam laporan yang sama, Yang Dipertua Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia, Datuk Seri Diraja Syed Razlan Putra Jamalullail menyatakan bahawa dasar penggunaan tanah pertanian perlu digubal bagi menangani kebimbangan terhadap kekurangan bekalan makanan terutama beras yang semakin hari semakin meruncing.

Lebih membimbangkan, tahun 2010, kerajaan memperkenalkan Pelan Transformasi Ekonomi (*Economic Transformation Plan, ETP*) melalui Unit Penyampaian dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU). Di bawah pelan tersebut terdapat 12 Bidang Ekonomi Utama Negara yang diberi perhatian bagi mencapai negara berpendapatan tinggi. Salah satunya, dalam sektor pertanian. Melalui perincian yang di buat oleh Makmal Pelan Transformasi Ekonomi (*ETP Lab*) yang melibatkan ramai tenaga pakar dari semua bidang berhasil, produktiviti padi menjadi sebahagian agenda bagi memastikan Malaysia dapat memenuhi keperluan dalam sara diri. Dengan sasaran 85 peratus permintaan penggunaan beras domestik, pelan ini secara dasarnya akan menjamin pengeluaran beras dalam negara menjelang tahun

2020 dengan mengambil kira keluasan kawasan tanaman padi sedia ada, pembukaan jelapang baru dan penyelidikan serta pembangunan terbaru industri padi. Untuk kawasan MADA sahaja bagi projek permulaan (*Entry Point Project, EPP*) yang menumpu kepada peningkatan skala penanaman dan produktiviti padi di kawasan seliaan MADA sedia ada, sebanyak RM 2.7 bilion akan dilaburkan secara keseluruhan. RM 2.2 bilion daripada jumlah tersebut akan diperuntukkan untuk tujuan pengairan manakala baki RM 0.5 bilion sebagai insentif kepada pesawah kecil yang mana tanah mereka akan dipajak atau mereka bersetuju untuk diuruskan melalui perkongsian keuntungan bersama operator pengeluar. (ETP, 2010). Dengan nilai pelaburan tersebut bagi EPP pertanian penanaman padi, pendapatan negara kasar (*Gross National Income, GNI*) yang disasarkan adalah berjumlah RM 1.0 bilion. Itu sebahagian hasrat dan harapan Malaysia dalam industri beras nasional.

Dalam pada itu juga, kajian yang dijalankan Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa (*International Rice Research Institute, IRRI*) di bawah *Food and Agriculture Organization (FAO)* bersama Universiti Malaysia Sabah pada tahun 2009, menunjukkan fenomena purata hasil tuaian padi per hektar per musim yang di luar jangkaan (ETP, 2010). Bayangkan negara seperti Australia berkeluasan 7,618,000 km<sup>2</sup> mendahului senarai pengeluar sumber makanan ruji ini di kalangan negara-negara yang sudah cukup sinonim dengan padi atau beras selama ini. Ini dapat dilihat dalam **Rajah 1.1** di bawah.



**Rajah 1.1:** Purata Tuaian per Hektar per Negara

Sumber: Pelan Transformasi Ekonomi, ETP ( 2010)

Walau bagaimanapun, impian untuk membawa paradigma baru kepada industri padi di Kedah boleh direalisasikan sekiranya perancangan rapi dan tersusun serta peranan *stakeholder* dapat diperkasakan. Kebiasaannya, kita mendengar pembangunan bangunan dan apa jua binaan memerlukan tanah tetapi apakah kita sedar pertanian juga turut memerlukan tanah yang sama untuk dilaksanakan malah ia lebih penting lagi jika melibatkan perihal sekuriti makanan di peringkat nasional sekaligus dapat menjamin hasil pengeluaran yang mencukupi bagi kegunaan masyarakat tempatan. Persoalannya siapakah yang berperanan dalam memastikan industri beras tempatan terus kekal dan tanah sawah untuk tujuan penanaman padi terus dilindungi daripada desakan pembangunan sekitar?. Sehubungan dengan itu juga, apakah perubahan corak guna tanah sawah padi sejak era Millennium khusus di kawasan jelapang di negeri Kedah?. Persoalan lain adalah, adakah terdapat faktor bersifat makro atau mikro yang mempengaruhi penukaran status guna tanah sawah padi yang berlaku pada hari ini di negeri Kedah?.

Justeru, satu kajian perlu dilakukan bagi melihat perubahan corak guna tanah sawah padi di negeri Kedah sejak tahun 2000 dan apakah kesan kepada pengeluaran padi tempatan sekaligus membawa kepada kesan rantaian terhadap sekuriti makanan di peringkat nasional. Dengan ada kajian seumpama ini, penulis mengharapkan menjadi asas kepada usaha kita sama ada penggubal dasar atau perancang untuk memikirkan satu bentuk penyelesaian bagi melindungi *status quo* tanah sawah padi khusus dalam kawasan Jelapang di sekitar daerah Kota Setar.

### **1.3. Persoalan Kajian**

Pernyataan masalah seperti yang dinyatakan di atas dapat dipecahkan kepada beberapa pecahan persoalan lain. Antaranya seperti di bawah:

- 1) Siapakah pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas tanah sawah padi di Kedah sama ada dalam urusan penanaman atau pengeluaran sumber beras?
- 2) Apakah undang-undang yang terpakai ke atas tanah sawah padi di Kedah?
- 3) Bagaimanakah perubahan corak guna tanah ke atas tanah sawah padi pada masa kini di negeri Kedah?
- 4) Bagaimanakah mahu memastikan perancangan teknikal dasar & sekuriti makanan (khusus makanan ruji/ asasi beras) ini dapat direalisasikan jika sumber utama iaitu tanah sawah padi semakin berkurang malah tiada usaha untuk melindungi atau memeliharanya?
- 5) Bagaimanakah kesan kehilangan tanah sawah padi ke atas sekuriti makanan negara khusus pengeluaran beras?
- 6) Apakah tindakan terbaik yang dapat diambil bagi melindungi tanah sawah padi?

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah mengkaji keperluan perlindungan ke atas tanah sawah padi bagi tujuan sekuriti makanan negara (*National Food Security*)

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai 3 objektif, antaranya adalah :

- 1) Mengenalpasti kerangka governans berkaitan penanaman padi khusus ke atas tanah sawah padi di negeri Kedah

- 2) Mengkaji perubahan corak guna tanah sawah padi dan keluasan tanah sawah padi yang ditukar status guna tanah di negeri Kedah
- 3) Mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan corak guna tanah sawah padi di negeri Kedah

## 1.6 Kepentingan Kajian



**Rajah 1.2:** Ringkasan Kepentingan Kajian

Sumber: Olahan Penulis (2012)

Melalui penghasilan kajian ini, maka diharapkan satu gambaran yang jelas dapat diberikan mengenai perubahan corak guna tanah ke atas tanah sawah padi sekaligus menimbulkan kesedaran betapa pentingnya status tanah sawah padi ini perlu dilindungi daripada pembangunan yang menguntungkan sesetengah pihak agar masa depan sekuriti makanan negara tidak terjejas. Oleh yang demikian, kajian ini dijangkakan dapat memberi manfaat kepada empat (4) kelompok utama, iaitu:

i. Pegawai Perancang Bandar dan Desa;

Hasil kajian ini dilihat mampu menjadi satu rujukan kepada perancang bagi mengemukakan-syor penghapayaan peranan polisi perancangan dalam melindungi tanah sawah padi daripada terus ditukar kepada kegunaan lain selain pertanian.

ii. Industri;

Selain itu, industri terutamanya operator pengeluar, pengimport dan pengeksport beras boleh melihat kajian ini sebagai satu pembuktian betapa meruncing produktiviti beras dalam negara sekaligus dapat mewujudkan kesedaran akan kepentingan tanah sawah sebagai satu aset jangka masa panjang bagi menjamin sekuriti makanan negara. Tambahan pula, selain industri padi; mereka yang terlibat dengan industri pembinaan wajar memikirkan usaha untuk tidak membangunkan tanah sawah sebagai kawasan perumahan, komersil dan lain-lain. Ini bukan soal keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada tanggungjawab sosial daripada industri kepada rakyat Malaysia

iii. Badan kerajaan; dan

Penemuan kajian ini juga diharapkan dapat membantu penggubal dasar dan Pegawai Tadbir Negeri untuk memikirkan semasak-masaknya sebelum membuat sebarang keputusan perancangan dan pembangunan ke atas tanah sawah padi di sekitar Jelapang sedia ada sekaligus dapat menjamin industri pengeluaran besar di negeri Kedah.



iv. Individu.

Sama ada pemilik tanah sawah atau masyarakat awam, mereka harus sedar pembangunan bukan bersifat materialistik semata-mata tetapi termasuklah usaha bersama bagi mengekalkan status qou tanah sawah untuk kebaikan masa depan negara. Dengan kata lain, hasil kajian ini boleh memberi gambaran kepada mereka akan peri penting tanah sawah kepada industri beras negara selain menjadi rujukan akademia untuk menjalankan kajian lanjutan lain yang berkaitan pembangunan fizikal dan teknikal sawah padi pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kompilasi hasil kajian-kajian berkaitan dapat menjadi asas kepada penemuan mekanisme yang baik untuk melindungi tanah sawah daripada terus dimamah pembangunan.

## 1.7 Skop Kajian

Skop bagi kajian ini akan melihat keperluan perlindungan ke atas tanah sawah padi di negeri Kedah. Penjelasan berkaitan skop adalah seperti berikut :

- Kajian dijalankan ke atas kerangka governans berkaitan penanaman padi di negei Kedah terutamanya di kawasan jelapang padi.
- Kajian merangkumi juga persepsi, pandangan serta cadangan oleh komuniti pesawah terhadap dasar kerajaan sedia ada.
- Kajian juga akan melihat pada corak guna tanah semasa melalui penyemakan rekod tukar syarat di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan di Majlis Bandaraya Alor Setar sejak era-Millennium (2000-an)
- Kajian meliputi kawasan jelapang padi dalam daerah Kota Setar, Kedah dan kawasan sekitar yang terkesan sahaja.

Di peringkat tempatan kajian lebih dilakukan terhadap keperluan teknikal pengeluaran padi sama ada kajian terhadap benih padi, baja, kawalan perosak dan

sebagainya. Kebanyakannya dipelopori oleh Institut Kajian dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI). Di peringkat antarabangsa sudah banyak kajian dilakukan bagi tujuan *empowerment* industri makanan ruji sebagai langkah memastikan masalah sekuriti makanan negara dapat diketengahkan menjadi satu agenda global. Sebagai contoh, Sehubungan dengan itu, belum ada lagi kajian yang memfokuskan kepada perubahan corak guna tanah sawah serta mengetengahkan usaha melindungi tanah sawah daripada arus pembangunan bandar yang semakin pesat.

## **1.8 Metodologi Kajian**

### **Peringkat I : Pengenalan**

Pada peringkat pertama, kajian akan memfokuskan kepada penetapan matlamat, objektif, pernyataan masalah, latar belakang kajian, skop, kepentingan, metodologi serta susunan bab kajian untuk memastikan tumpuan kajian tidak tersasar atau lari daripada lingkungan topik yang dikaji.

### **Peringkat II : Kajian Literatur**

Kajian akan dijalankan secara teoritikal ke atas isu yang diutarakan serta penulis akan melihat juga kajian-kajian lepas oleh pengkaji lain dalam skop atau tema tanah pertanian dan sekuriti makanan negara (*National Food Security*) khusus yang berkenaan dengan makanan asasi. Selain itu, dasar sedia ada berkaitan pertanian negara bagi penanaman padi akan turut dikaji. Pengenalpastian governans terlibat dalam industri padi dan beras akan dibuat.

### **Peringkat III : Pengumpulan Data**

Pada peringkat ini, segala maklumat dan data yang berkaitan akan dikumpul untuk membantu menjayakan kajian ini. Namun demikian, pengumpulan data akan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu data primer dan data sekunder.

- **Data Primer**

Pertamanya, penulis akan mengenalpasti sumber data primer. Ini termasuklah dengan melakukan penyemakan rekod sokongan bilangan tukar syarat guna tanah dengan MADA. Temu bual dan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat akan dibuat bagi mendapatkan respon dan pandangan berkaitan isu kekurangan tanah sawah padi dan perkaitan antara produktiviti beras dengan sekuriti makanan peringkat nasional. Cara atau kaedah terbaik yang dapat diambil akan cuba dibincangkan oleh semua pihak berkepentingan dalam industri padi terutamanya bila melibatkan petak sawah. Antara pihak yang telah dikenalpasti setakat ini adalah Perancang Majlis Bandaraya Alor Setar, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Tanah, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan sebagainya.

- **Data Sekunder**

Seperti mana penentuan sumber data primer, sumber data sekunder akan dikenalpasti melalui kajian literatur khususnya bila menjawab objektif awal tentang kerangka governans. Antara sumber tersebut datangnya daripada buku, keratan akhbar, majalah, kajian lepas, dasar-dasar dan undang-undang berkaitan tanah pertanian khusus sawah padi; Rancangan Fizikal Negara 2, Dasar Perbandaran Negara, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), Dasar Jaminan Bekalan Makanan, Dasar Pertanian Negara Ke-4 2011-2020

#### **Peringkat IV : Analisis Data**


Setelah segala maklumat yang diperlukan dikumpul, maklumat-maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisis bagi melihat perkaitannya dengan isu yang dikaji.

- Analisis Kualitatif- Diskriptif

Hasil temubual akan di analisis secara kualitatif dengan melihat kepada peranan, bidang kuasa, pihak yang terbabit dalam pembangunan dan perlindungan tanah sawah. Siapa yang lebih bertanggungjawab bagi melindungi tanah sawah padi akan dapat dikenalpasti, faktor-faktor perubahan corak guna tanah dapat diekstrak dan dikenalpasti berdasarkan respon kepakaran, bidang pihak yang ditemubual.

#### **Peringkat V: Rumusan dan Cadangan**

Bab penghabisan merupakan proses merumuskan keseluruhan kajian yang telah dijalankan dengan beberapa cadangan akan dibuat bagi tujuan penambahbaikan pada masa akan datang oleh mana-mana pihak yang berkepentingan dalam usaha mengekalkan *status quo* tanah sawah padi secara berterusan sekaligus menjamin sekuriti makanan negara terutamanya pengeluaran beras bagi tujuan sara hidup rakyat Malaysia. Cadangan yang dikemukakan mestilah berdasarkan kepada penemuan dan hasil analisis yang telah dilakukan. Carta alir keseluruhan rangka kerja kajian dapat dilihat pada **Rajah 1.3** di muka surat sebelah. Setiap peringkat diringkaskan seperti berikut :



Rajah 1.3 : Rangka Kajian (Olahan Penulis, 2012)

## **1.9 Susunan Bab**

Keseluruhan laporan projek Sarjana ini mengikut format tesis Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bagi susunan bab, ia adalah fleksibel mengikut kreativiti penulis. Penulisan Projek Sarjana ini dibahagikan kepada 6 bab iaitu :

### **Bab 1: Pengenalan**

Bab ini memberi gambaran keseluruhan kajian yang dilaksanakan secara ringkas yang mana merangkumi pendahuluan, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, rangka metodologi kajian dan struktur aliran bab

### **Bab 2: Padi dan Sekuriti Makanan Negara**

Bab 2 terdiri daripada pengenalan kepada konsep guna tanah, kategori guna tanah, dan fenomena penukaran status guna tanah. Dalam bab ini juga terdapat penerangan mengenai sawah padi sebahagian tanah pertanian, industri padi, sekuriti makanan negara dan kerangka governans berkaitan padi di Kedah dan umumnya Malaysia. Selain itu, penulis juga mengambil contoh negara yang memperkasakan sektor pertanian dengan pelbagai inisiatif pemeliharaan tanah pertanian pada masa kini.

### **Bab 3: Metodologi Kajian**

Seterusnya Bab 3 membincangkan metodologi bagi menjalankan kajian ini. Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data yang diperolehi diterangkan. Justifikasi pemilihan setiap kaedah ini diberikan supaya ia relevan dengan kajian yang dilakukan.

**Bab 4: Kawasan Kajian**

Dalam bab seterusnya ini, penulis membincangkan tentang latar belakang kawasan penanaman padi di negeri Kedah sama ada dalam jelapang atau luar jelapang. Ia juga melihat kepada kawasan yang terjejas akibat proses pembandaran di Alor Setar, Guar Chempedak, Kota Sarang Semut, Langgar dan kawasan sekitar.

**Bab 5: Analisis dan Penemuan**

Bab 5 akan memperincikan analisis terhadap kajian yang telah dilakukan dalam mengkaji corak perubahan guna tanah dan faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya perubahan. Maklumat –maklumat berkaitan keperluan perlindungan tanah sawah dan inisiatif pihak berkuasa berkaitan akan turut sama dianalisis dan dipaparkan bagi menunjukkan kehilangan tanah sawah akan menjejaskan sekuriti makanan negara.

**Bab 6: Cadangan dan Kesimpulan**

Bab penghabisan merupakan proses merumuskan keseluruhan kajian yang telah dijalankan dengan beberapa cadangan akan dibuat bagi tujuan pemeliharaan tanah sawah daripada penukaran status guna tanah pada masa akan datang oleh mana-mana pihak yang berkepentingan dalam usaha melindungi tanah pertanian khusus sawah padi bagi maksud sekuriti makanan negara. Cadangan yang dikemukakan mestilah berdasarkan kepada penemuan dan hasil analisis yang telah dilakukan.

## BIBLIOGRAFI

Australian Bureau of Statistics Report, 1997, *NSW Regional Statistics*, ABS, Canberra.

Bailey, Kenneth D. (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berg, Bruce L, (1989) *Qualitative Research Methods for the Social Science*, United States of America, Allyn and Bacon

Carvalho, F.A. (2006). "Monitoring Environmental Impact of Land Use: Evaluating an Agricultural Area of Distrito Federal, Brazil". *International Archives of Photogrammetry, Remote Sensing, and Spatial Information Sciences* Vol. XXXVI – Part 2.

<http://www.isprs.org/commission2/proceedings06/pdf/carvalho.pdf>

Chia, L. L. (1998). *Kajian perubahan corak guna tanah pertanian akibat tukar syarat: Kes kajian : Majlis Perbandaran Sungai Petani*. Skudai: UTM

Dokumen Laporan Perangkaan Padi Malaysia, (2007) (2011), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

Dokumen Pelan Peningkatan Beras Negara (2008), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani



- Economic Research Service (2002) Land Use, Value and Management Urbanization and Agricultural Land.  
<http://www.ers.usda.gov/Briefing/LandUse/urbanchaper.htm>.
- FAO (2000) FAO Production Yearbook.  
[http://www.fao.org/catalog/book\\_review/giii/x8489-e.htm](http://www.fao.org/catalog/book_review/giii/x8489-e.htm).
- Fatimah Mohd. Arshad (1996), Food Security, in Jomo K.S. and Ng Siew Kiat, Malaysia's Economic Development: Policy and Reform. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications,
- Frey, James H (1983), Survey Research by Telephone, USA; Sage Publication Inc.
- Hamel, Jacques (1993), Case Study Methods, Sage Publication Inc.
- Hemedez MA (t.th), Addressing The Issue Of Rapid Land Conversion.  
[http://www.geocities.com/cpbo\\_hor/PolicyBriefs1/landcon.html](http://www.geocities.com/cpbo_hor/PolicyBriefs1/landcon.html).
- Idid, Syed Arabi (1992), Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia
- International Rice Research Institute Reports, IRRI (2009) (2011) ,  
<http://www.irri.org/> setakat November dan Disember 2012
- Lofland, John A dan Lofland, Lynn H (1984), Analysing Social Settings; A Guide to Qualitative Observation and Analysis, Belmont, Calif; Wadsworth Publishing
- Madge, J (1965), Tools of Social Science, Longmans
- Mason, Jennifer (1996), Qualitative Researching, London; Sage Publications Ltd.
- Moser,C.A dan Kalton G (1971), Survey Methods in Social Investigation, London, Heinemann Educational Books Ltd

Muhammad Reduan Jaafar, Anuar Amir, s., & Fakulti Alam Bina. (2009). Faktor Penukaran Guna Tanah Pertanian Kepada Taman Perumahan Di Kawasan Pinggir Bandar.

Ratnawati (2008), Perubahan prestasi sosio-ekonomi komuniti asal akibat pertukaran gunatanah pertanian kepada Bandar Baru Bumi Serpong Damai, Tangerang, Banten, Indonesia. *Geografia Online, Malaysian Journal of Society and Space* 4 (54 - 70), 2008, ISSN 2180 2491

Ratnawati Yuni Suryandari, Suprajaka (2007), Kesan pertukaran gunatanah pertanian kepada keadaan sosio-ekonomi petani di kawasan pesisir Jawa Timur Indonesia, *Geografia Online, Malaysian Journal of Society and Space* 3 (46 - 57) 2007, ISSN 2180-2491

Rigg, J. (1998), Rural-urban interactions, agriculture and wealth: a southeast Asian perspective. *Progress in Human Geography*

Rigg, J. and Nattapoolwat, S. (2001), Embracing the global in Thailand: activism and pragmatism in an era of deagrarianization. *World Development*

Sangawongse, S. et. al (2011), Agricultural Land Use Change and Urbanization in Thailand, IT International Conference on Innovation and Sustainability Transitions in Asia, 9 -11 January 2011.

Sedlack, R. Guy dan Stanley, Jay (1992), *Social research: Theory and Methods*, USA; Allyn and Bacon

Stacey, Margaret (1970), *Methods of Social Research*, Headington Hill Hall; Oxford, Pergamon Press Ltd.

UNEP (2000) GEO 2000, Global Environment Outlook.

<http://www.grida.no/geo2000/english/0064.htm> setakat November 2012.

World Resources Institute (1997) World resources 1996-1997, A Guide to the Global Environment. [http://www.wri.org/wri/wr-96-97/ee\\_txt2.html](http://www.wri.org/wri/wr-96-97/ee_txt2.html).

Xiangming Xiao et al. (2006), Mapping paddy rice agriculture in South and Southeast Asia using multi-temporal MODIS images, *Remote Sensing of Environment* 100 (2006) 95 – 113

Yin, Robert K (1984), *Case Study Research- Design and Methods*, London New Delhi; Sage Publications, Beverly Hills.

Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56), International Law Book Services

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1986 (Akta 172), International Law Book Services